

Yusof Rawa mungkin tak layak jadi PM.

UM — Mahathir
JITRA 24 Julai — Perdana

Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mahamad berkata kemungkinan besar Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusof Rawa tidak layak untuk menjadi Perdana Menteri menyebabkan PAS tidak meletakkan beliau bertanding di Kubang Pasu. Bagaimanapun katanya, PAS telah meletakkan Dr. Azizan Ismail bertanding kerana mungkin calon tersebut lebih layak dari Yusof Rawa. Pengerusi BN berkata, dulu beliau memang mendengar ura-ura PAS untuk meletakkan Haji Yusof Rawa, iaitu calon Perdana Menteri sekiranya PAS menang, tetapi kemungkinan beliau tidak layak, PAS telah menukarkan orang lain.

Mengulas pilihanraya umum 1982 di mana Barisan memperolehi lebih banyak kerusi menang tanpa bertanding berbanding dengan pilihanraya ini, beliau menegaskan Barisan tidak kecewa kerana dulu cara mengisikan borang dianggap susah.

Oleh itu, pada pilihanraya kali ini kita menyaksikan borang-borang yang mudah untuk diisi dan beliau yakin tidak ramallah calon-calon yang gagal bertanding kerana kesilapan tersebut. Kemenangan tanpa bertanding calon Barisan bagi 6 kawasan Parlimen dan 8 Dewan Undangan Negeri selepas penamaan calon pagi tadi.

Perdana Menteri berpendapat adalah agak mustahil calon pembangkang gagal mengisi borang tersebut hingga menyebabkan BN menang tanpa bertanding di 6 kawasan Parlimen dan 8 Dewan Negeri hari ini.